



EU Deforestation Regulation (EUDR)/ Peraturan Penebangan Hutan Kesatuan Eropah:

Maklumat penting untuk Pekebun Kecil

Apa itu Peraturan Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (EUDR)?

- EUDR ialah peraturan baharu Kesatuan Eropah yang bertujuan **mengurangkan penebangan dan kemerosotan hutan di seluruh dunia**, sekali gus mengurangkan sumbangan Kesatuan Eropah terhadap perubahan iklim dan kehilangan biodiversiti.
- EUDR mewajibkan sesiapa yang menjual atau **mengeksport produk ke pasaran EU** memastikan produk mereka **dihasilkan secara sah tanpa menyebabkan penebangan hutan atau kemerosotan hutan**.
- Untuk mencapai matlamat ini, mereka mesti melaksanakan prosedur usaha wajar yang melibatkan tiga langkah.
- **Tiada kewajipan undang-undang atau penalti bagi negara atau pekebun kecil di negara ketiga** kecuali mereka sendiri yang mengimport ke EU.
- **Walau bagaimanapun, pembeli komoditi anda** yang meletakkan produk berkaitan di pasaran EU mungkin **meminta bantuan anda untuk menyediakan maklumat dan dokumen** yang perlu mereka serahkan bagi memenuhi keperluan EUDR, seperti maklumat geolokasi tempat pengeluaran.



EUDR hanya terpakai kepada anda jika anda mengusahakan komoditi berikut dan menghantarnya ke pasaran EU:



Lembu



Koko



Kopi



Kelapa sawit



Getah



Soya



Kayu

EUDR akan mula terpakai kepada **syarikat besar mulai 30 Disember 2025 dan kepada perusahaan kecil serta mikro mulai pertengahan tahun 2026**. Selepas tarikh ini, komoditi yang berkaitan mesti memenuhi kriteria berikut sekiranya ingin dipasarkan di pasaran EU atau dieksport dari sana.

- Produk mesti dihasilkan **tanpa melibatkan penebangan hutan atau kemerosotan hutan selepas 31 Disember 2020**.
- Produk mesti dihasilkan **selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa di negara pengeluaran**.

Hutan seperti yang ditakrifkan oleh FAO merujuk kepada kawasan tanah seluas lebih daripada 0.5 hektar dengan pokok setinggi lebih daripada 5 meter dan penutupan kanopi melebihi 10%, atau pokok yang mampu mencapai ambang tersebut secara semula jadi (tidak termasuk tanah yang digunakan untuk pertanian atau kegunaan tanah bandar/urban).

Manfaat untuk anda

- Sekiranya berlaku pelanggaran hak tanah, pekebun kecil di negara ketiga atau wakil mereka boleh mengemukakan aduan atau **kebimbangan yang berasas**, yang disokong dengan bukti kepada syarikat dan pihak berkuasa yang berwibawa di EU, dan dengan itu membantu memperjuangkan hak tanah mereka.
- Rantaian nilai yang lebih telus dan mudah dijejaki dapat **membantu pekebun kecil di negara mereka untuk menerokai pasaran baharu** serta memberi tumpuan kepada kelestarian produk mereka.
- Memberi tumpuan kepada **pengeluaran tanpa penebangan hutan** boleh menjadi **dorongan untuk mendapatkan harga yang lebih baik**.
- Memiliki data geolokasi memberi pekebun kecil kedudukan yang **lebih kukuh dan berdikari dalam rantaian nilai**, yang boleh membawa kepada harga yang lebih adil bagi pekebun kecil, melalui rantaian bekalan yang lebih langsung.
- Pekebun kecil dan koperasi pekebun kecil **boleh mendapat manfaat daripada sokongan teknikal atau pembangunan keupayaan daripada rakan perniagaan** yang bergantung pada pertukaran maklumat di bawah EUDR.
- EUDR **dijangka meningkatkan permintaan terhadap produk yang bebas penebangan hutan** dan mengukuhkan daya saing bagi pengeluar yang berusaha mewujudkan rantaian bekalan bebas penebangan hutan.
- EUDR **meningkatkan kerjasama antara EU dan negara rakan kerjasamanya** serta menyokong kepentingan mereka.

Implemented by

giz Deutsche Gesellschaft
für Internationale
Zusammenarbeit (GIZ) GmbH



- **Penekanan terhadap geolokasi** untuk memastikan pengeluaran bebas penebangan hutan dapat memberi motivasi kepada pekebun kecil, terutama mereka yang **menghadapi kesukaran** mendapatkan **pensijilan**.

Sebagai **pekebun kecil**, rakan perniagaan anda mungkin meminta maklumat tentang **tanah tempat anda mengusahakan komoditi, terutamanya lokasi perusahaan, sama ada komoditi tersebut dihasilkan tanpa penebangan hutan serta mematuhi undang-undang** yang berkaitan di negara anda.

Pengeluaran tanpa aktiviti penebangan hutan

Untuk semua komoditi pertanian dan kayu:

Elakkan aktiviti mengubah hutan seperti yang ditakrifkan oleh FAO menjadi tanah pertanian selepas 31 Disember 2020.

- Perhutanan tani (Agro-perhutanan) dianggap sebagai tanah pertanian. Oleh itu, anda tidak boleh memasarkan produk dari tanah yang hutan asalnya ditukar menjadi agroperhutanan selepas 2020 di pasaran EU.

Hanya untuk produk kayu:

Jangan merosakkan hutan semasa aktiviti penuaian kayu atau pembalakan.

Ini bermakna penuaian kayu/pembalakan tidak boleh menyebabkan perubahan struktur litupan hutan: hutan primer atau hutan yang tumbuh semula secara semula jadi tidak boleh ditukar kepada hutan perladangan (*plantation forest*), atau hutan yang ditanam (*planted forest*), atau ditukar menjadi tanah berhutan lain.

Pengeluaran yang Sah

Anda hendaklah **menghormati undang-undang di negara anda** seperti yang berikut, dan, kalau boleh, menyediakan bukti pematuhan:

- (a) hak guna tanah;
- (b) perlindungan alam sekitar;
- (c) peraturan berkaitan hutan: termasuk pengurusan hutan dan pemuliharaan biodiversiti, yang berkaitan secara langsung dengan penuaian kayu;
- (d) hak pihak ketiga;
- (e) hak pekerja;
- (f) hak asasi manusia yang dilindungi di bawah undang-undang antarabangsa;
- (g) prinsip dengan Izin, Pemakluman Awal, Secara Bebas dan Telus (FPIC), termasuk seperti yang dinyatakan dalam Deklarasi PBB mengenai Hak Orang Asal: juga diperlukan, tetapi kurang penting bagi pekebun kecil;
- (h) peraturan cukai, anti-rasuah, perdagangan dan kastam

Di samping itu, demi kepentingan anda, adalah wajar untuk mendapatkan data geolokasi bagi plot tanaman anda dan berkongsi maklumat tersebut dengan rakan perniagaan anda.

Geolokasi: lokasi geografi bagi plot tanah yang ditentukan melalui koordinat latitud (*garisan lintang*) dan longitudo (*garisan bujur*).

Cara menyediakan koordinat geolokasi kawasan pengeluaran?

1. **Aktifkan isyarat GPS** pada telefon anda dan berjalan di sepanjang sempadan ladang di mana anda menghasilkan produk yang anda jual kepada pembeli.
2. **Muat turun aplikasi digital** pada telefon mudah alih anda atau gunakan peranti GPS mudah alih. Rakan perniagaan anda mungkin akan mencadangkan aplikasi yang sesuai.
3. **Pastikan anda mengusahakan perkara berikut:**
 - Jika anda menanam komoditi di beberapa plot yang lebih daripada 4 hektar, anda perlu membuat poligon untuk setiap plot.
 - Memadai bagi anda untuk menyediakan data sekali sahaja, kecuali kawasan pengeluaran anda berubah.
 - Anda boleh memanfaatkan sistem penjejakan kebangsaan atau usaha secara bersama melalui koperasi dan badan pensijilan yang memetakan data geolokasi, selagi ia memenuhi keperluan yang ditetapkan.
 - Jika anda tidak mengeksport terus ke pasaran EU, rakan perniagaan anda perlu mengesahkan dan membuktikan bahawa geolokasi adalah tepat.
 - Penyediaan data GPS bagi plot tanah tidak memerlukan maklumat peribadi.
 - Jika anda tidak mempunyai pendaftaran tanah atau bukti pemilikan tanah, anda masih boleh melaksanakan geolokasi.

- Untuk ladang < 4ha, satu titik geografi dengan koordinat latitud dan longitud yang menggunakan sekurang-kurangnya 6 titik perpuluhan sudah mencukupi.
- Untuk ladang > 4ha, koordinat latitud dan longitud yang mencukupi diperlukan untuk menjelaskan bentuk plot tanah. Ini dipanggil poligon.



EUDR: Mitos vs. Realiti

Mitos: "EUDR mewajibkan pekebun kecil di negara ketiga untuk mematuhi peraturannya"

Realiti: Tiada kewajiban undang-undang bagi pekebun kecil di negara ketiga di luar EU di bawah EUDR, malah terdapat pelbagai manfaat.

Mitos: "Seorang petani tidak boleh menebang dan menjual pokok milik mereka sendiri."

Realiti: Ladang umumnya dikategorikan sebagai tanah pertanian dan oleh itu, tidak termasuk dalam skop EUDR.

Mitos: "Agroperhutanan dan pertanian mampan akan tidak mematuhi peraturan."

Realiti: Agroperhutanan dan pertanian yang menghormati alam sekitar adalah digalakkan dan tidak bercanggah dengan EUDR.

Carilah rantaian bekalan yang boleh dijejaki!

Diterbitkan oleh Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) GmbH

Pejabat berdaftar Bonn and Eschborn, Germany

Projek EUDR Engagement (Engagement with Indonesia, Malaysia, Laos, Thailand and Vietnam to raise awareness on and to promote better understanding of the EU approach to reducing EU-driven deforestation and forest degradation)

Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) GmbH
Friedrich-Ebert-Allee 36+40
53113 Bonn, Germany

Hubungi Directorate-General for Environment
Environment - European Commission (europa.eu)

**Rekabentuk/
Susun atur** Agentur Umbruch

Kredit foto Titel: © GIZ / Sebastian Koch; page 2: © iStock / superoke; page 3 top: © Adobe Stock; page 3 bottom: © GIZ / Binh Dang; page 4: © GIZ/Canopy Indonesia

Program ini dibiayai bersama oleh Kesatuan Eropah (EU) dan Kementerian Persekutuan Jerman untuk Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (BMZ).

Kandungan ini adalah tanggungjawab tunggal GIZ dan tidak semestinya mencerminkan pandangan EU atau BMZ.

Sehingga October 2024, Bonn